



## TAKLIMAT INTEGRITI

Dengan segala hormatnya, para hadirin diminta mengambil perhatian bahawa perbuatan-perbuatan berikut akan menjejaskan integriti diri sendiri dan organisasi, malah adalah kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 atau Kanun Keseksaan atau mana-mana Akta yang berkaitan:

1. Menggunakan dana atau wang pejabat untuk kepentingan peribadi;
2. Memperoleh wang, barang atau perkhidmatan secara paksa daripada pelanggan;
3. Menerima hadiah dalam bentuk wang, barangan atau perkhidmatan bagi khidmat yang diberikan;
4. Terlibat secara langsung dalam proses pemberian kontrak kepada anggota keluarga dan kepada mereka yang ada kepentingan dengan diri anda;
5. Terlibat secara langsung dalam proses melantik anggota keluarga untuk mengisi kekosongan jawatan di organisasi kita bekerja;
6. Mengemukakan tuntutan penginapan meskipun kemudahan penginapan disediakan oleh pihak penganjur;
7. Mengambil atau menggunakan kemudahan pejabat (sebagai contoh 'thumb drive' dan sebagainya) untuk kegunaan peribadi atau keluarga;
8. Jika anda seorang anggota/ pegawai penguat kuasa - adalah salah jika menggunakan ancaman/intimidasi bagi mendapatkan wang, barangan atau perkhidmatan;
9. Menggunakan kuasa/ kedudukan untuk mendapatkan manfaat atau faedah yang tidak sah;
10. Memberi wang atau insentif untuk memperoleh atau membeli undi;
11. Menggunakan media sosial bagi tujuan meluahkan ketidakpuasan hati terhadap Jabatan/ Organisasi dan membocorkan rahsia Jabatan/ Organisasi;
12. Meminta orang politik/ kenamaan untuk mempengaruhi urusan berkaitan pekerjaan (contoh, pelantikan, pertukaran, kenaikan pangkat dan sebagainya).

Senarai di atas hanya sebahagian daripada sejumlah tindakan, sama ada yang termaktub dalam undang-undang ataupun tidak, yang tidak wajar dilakukan dan sebaliknya harus bertindak jujur pada sebarang masa dengan penuh amanah, jujur dan mengamalkan budaya berintegriti.